

Kajian Tindakan Tentang Pelaksanaan e-RPH di SMK Majakir: Isu dan Penyelesaian Oleh:

**Haji Abdul Aziz Bin Mohamed Zain
Anuar Bin Sidek
Fareed Abdullah**

SMK.Majakir,Papar

E-mel : abaziz565@gmail.com

Abstrak

Kajian bertujuan untuk mengenalpasti isu dalam pengurusan pendidikan di sekolah dan menyediakan inovasi bagi mengatasi isu tersebut. Sesungguhnya banyak isu yang dihadapi oleh kepimpinan pengetua di sekolah terutama sekali apabila pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan memperkenalkan prosedur baru untuk dilaksanakan di sekolah. Dalam konteks ini, pengkaji memberi fokus kajian kepada penyediaan Rancangan Pengajaran Tahunan dan Harian secara e-RPH. Sebelum ini pihak sekolah menggunakan Buku Rekod Mengajar dan kemudiannya Fail Rekod Mengajar dan yang terkini ialah e-RPH sesuai dengan perkembangan era digital. Pendekatan pengkajian dalam kajian ini berasaskan kepada kajian tindakan dengan merujuk kepada data peratus penghantaran e-RPH pada setiap bulan. Sampel kajian seramai 91 orang guru tidak termasuk pengetua. Berdasarkan kajian ini pengkaji mengenalpasti isu dan kemudiannya melaksanakan beberapa inovasi bagi mengatasi isu tersebut. Penyediaan RPH ini adalah wajib berdasarkan kepada Surat Pekekiling Ikhtisas Bil.3/1999 dan Surat Pekeliling Jabatan Pendidikan Negeri Sabah pada tahun 2015 dan 2017 yang mengarahkan guru menggunakan e-RPH. Ini selari dengan dasar perjimatan kerajaan untuk menjimatkan kos. Justru, pihak sekolah telah melaksanakan e-RPH ini bulan Mac 2017. Guru-guru menyediakan dan menghantar e-RPH mereka pada setiap hari Jumaat untuk disemak oleh pihak pentadbir. Hasil pemantauan pihak sekolah dan JNJK pada awal bulan Ogos mendapati peratus guru yang menghantar e-RPH semakin berkurangan dimana data menunjukkan pada bulan Mac sebanyak 90.26 %, April 84.35 %, Mei 82.35 %, Jun 70.25 % dan Julai 81.56 %. Ekoran dari pada itu pihak sekolah pada bulan Ogos telah melaksanakan beberapa inovasi bagi mengatasi isu tersebut. Diantara inovasi yang dilaksanakan ialah memberi surat tunjuk sebab, mengadakan kursus pemantapan e-RPH, Surat Penghargaan, coach and mentoring dan sesi bersemuka dengan guru. Hasil intervensi itu didapati peratus guru menghantar e-RPH telah meningkat dimana pada bulan Ogos sebanyak 96.88% dan September 98.16 %. Pengetua mengharapkan agar guru dapat menggunakan medium ini bagi menyediakan RPH kerana ia lebih mudah, cepat dan dapat menjimatkan kos pengurusan sekolah.

1 .PENDAHULUAN

Bidang pengurusan di sekolah adalah sangat luas dan setiapnya mempunyai latar isu dan cara penyelesaian adalah berbeza mengikut lokasi sesebuah sekolah dan kreatifi seseorang pemimpin sekolah yang diketuai oleh seorang ketua yang dikenali sebagai pengetua. Pengetua memainkan peranan utama dalam menentukan kemenjadian institusi sekolah yang dipimpnnya. Dalam konteks ini pengkaji telah memilih satu isu yang penting yang dihadapi oleh SMK . Majakir iaitu penghantaran Rancangan Pengajaran Harian secara online atau lebih dikenali dengan panggilan digitalnya e-RPH. Sebelum ini guru menyediakan RPH dengan cara menulis dalam Buku Rekod Mengajar kemudian menyediakan dalam lembaran sama ada menaip atau menulis RPH itu dan

dimasukkan ke dalam fail Rekod Mengajar dan kini secara menaip e-RPH itu melalui komputer atau smartphone sesuai mengikut perkembangan era digital dan kedudukan ekonomi Negara pascini.

Penyediaan RPH ini adalah wajib kepada setiap orang guru yang mengajar di bilik darjah kerana RPH ini sebagai panduan guru untuk mengajar kerana ia menyatakan apa yang hendak diajar, apa yang hendak dicapai dan bagaimana ia dicapainya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Kemudian sesudah pengajaran guru perlu menulis refleksi pengajarannya sama ada objektif pengajarannya dapat dicapai, bagaimana respon murid dan apa tindakan susulannya.

Rancangan Pengajaran Harian atau RPH yang disediakan itu perlu dihantar secara online pada setiap hari jumaat untuk RPH pada minggu depan untuk disemak dan diberi ulasan oleh pihak pentadbir yang diberi kuasa secara bertulis oleh pengetua. Di peringkat inilah terdapat guru yang gagal menghantar RPH mereka dan menjadi isu dalam pengurusan di sekolah. Justeru, pengkaji cuba menyelesaikan isu ini dengan cara memperkenalkan dan melaksanakan beberapa intervensi atau inovasi dalam pengurusan untuk mengatasi isu tersebut.

2. KAJIAN LITERATUR

Bagi melengkap kajian tindakan ini pengkaji telah membuat rujukan terhadap dapatan kajian yang lepas melalui jurnal atau buku dan juga surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bagi memperkukuhkan lagi penulisan kajian tindakan ini.

Punca kuasa utama terhadap arahan untuk menyediakan Rancangan Pengajaran ini ialah surat pekeliling iktisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Surat Pekeliling Iktisas Bil.3/1999 "Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran" yang menyatakan rancangan pengajaran itu boleh disediakan dalam apa jua bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa. Ia haruslah diurus dengan sempurna dan dapat dikemukakan dengan serta merta apabila dikehendaki oleh pihak yang diberi kuasa. Arahan penyediaan RPH secara online ini berdasarkan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah pada tahun 2015 dan 2017. Ini selarai dengan perkembangan ekonomi Negara yang kurang baik dan dasar penjimatan kerajaan untuk mencetak Buku Rekod Mengajar guru. Justeru, guru-guru diarah untuk menyediakan RPH mereka melalui e-RPH.

3. PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Pihak sekolah telah melaksanakan e-RPH secara rasmi pada bulan Mac 2017 sehingga sekarang. Sebelum dilaksanakan program ini pihak sekolah telah meminta guru untuk membangunkan satu sistem perisian komputer untuk dijadikan tapak kepada e-RPH. Selepas itu barulah pihak sekolah mengadakan Latihan Dalam Perkhidmatan secara berfokus kepada pihak pentadbir dan guru-guru untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada mereka tentang e-RPH. Setelah program ini

dilaksanakan didapati timbul beberapa isu dalam pelaksanaan e-RPH tersebut. Diantaranya dan menjadi masalah kajian ini ialah seperti berikut:

3.1. Kenapa guru tidak menghantar RPH melalui e-RPH ?

3.2 Kenapa terdapat guru menerima cara penyediaan RPH melalui kaedah fail ?

3.3 Kenapa guru kurang mesra dengan sistem komputer ?

4. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk menjawab pernyataan masalah kajian yang dinyatakan diatas iaitu:

3.1. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui guru yang tidak menghantar RPH melalui e-RPH

3.2 Kajian ini dilakukan untuk mengetahui guru yang menyediakan RPH melalui sistem fail

3.3. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti guru yang kurang mesra dengan sistem komputer

5. KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berasaskan kepada kajian tindakan. Pengkaji membuat kajian dengan menyemak rekod penghantaran RPH secara e-RPH dan membuat semakan keatas rekod profail guru yang ada di sekolah. Disamping itu pengaji juga membuat rujukan ketas kajian-kajian lepas dan semakan ke atas surat- surat pekeliling yang dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

Data dan maklumat itu dianalisis dan dihuraikan bagi melengkapkan kajian ini. Kajian ini dilakukan pada awal bulan Ogos 2017 setelah pihak pentadbir dan pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti membuat semakan keatas rekod penghantaran e-RPH dan mendapati seperti yang dinyatakan di jadual 1.

Bulan	Bil.Guru Hantar	Peratus	Bil.Guru Tidak Hantar	Peratus
Mac	82	90.11	9	9.89
April	77	84.62	14	15.38
Mei	75	82.42	16	17.58
Jun	64	70.33	27	29.67
Julai	74	81.32	17	18.68

Jadual 1: Penghantaran RPH melalui e-RPH Oleh Guru Bagi Bulan Mac –Julai 2017.

6. SAMPEL KAJIAN

Seramai 91 orang guru yang terlibat dalam kajian ini kerana mereka diwajibkan menyediakan RPH melalui e-RPH. Manakala tidak termasuk dalam kajian ini kerana pengetua menyediakan RPH menggunakan fail dan dihantar ke PPD Papar untuk disahkan RPH tersebut. RPH guru-guru pula disahkan secara digital oleh Penolong Kanan dan Ketua Bidang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pengetua sekolah. Kajian ini bermula pada bulan Mac 2017 sehingga September 2017.

Jantina Guru	Kohort Umur	Bilangan	Peratus
Lelaki	< 45 Tahun	13	14.2
	> 45 Tahun	14	15.3
Perempuan	< 45 Tahun	42	46.1
	> 45 Tahun	22	24.1
Jumlah		91	

Jadual 2: Bilangan dan Jantina Sampel Kajian.

7. PELAKSANAAN PROGRAM INTERVENSI/INOVASI

Berdasarkan data yang diperolehi sebelum kajian ditapati secara umumnya menunjukkan ada guru yang mengambil kesempatan untuk tidak menghantar RPH mereka melalui e-RPH. Setelah semakan oleh pihak pentadbir dan JNJK pihak sekolah telah mengambil langkah yang tuntas untuk melaksanakan program intervensi atau inovasi seperti berikut:

7.1. Mengeluarkan surat tunjuk sebab

Pada setiap minggu penghantaran e-RPH ini di pantau dan mana-mana guru yang gagal menghantar akan diberi surat tunjuk sebab oleh pihak sekolah dan salinan kepada pihak PPD, Papar untuk makluman kepada mereka. Pihak sekolah juga menyatakan jika perkara ini tidak diambil tindakan surat tunjuk sebab itu akan dipanjangkan ke Unit Tatatertib, Jabatan Pendidikan Sabah. Tujuan surat tunjuk sebab ini ialah untuk meminta penjelasan daripada guru-guru kenapa tidak menghantar e-RPH tersebut. Melalui cara ini guru berkenaan telah mengambil tindakan untuk menghantar e-RPH mereka. Ini kerana mereka tidak mahu nama mereka akan naik pada setiap minggu akibat daripada menerima surat tunjuk sebab itu. Mereka juga rasa malu apa lagi kalau nama mereka sampai ke pengetahuan pihak PPD dan Jabatan Pendidikan Sabah.

7.2. Mengadakan sesi bersemuka dengan guru (Teachers Voice)

Pihak sekolah telah menyenaraikan kumpulan guru yang terlibat itu dan mengadakan sesi bersemuka dengan mereka untuk memahami luahan hati mereka dan mengadakan sumbangsaan bagi mendapat maklumat dari guru yang melaksanakan e-RPH tersebut. Segala maklumat itu dikumpul dan dianalisis untuk mencari jalan yang terbaik bagi membantu guru-guru menyediakan RPH melalui e-RPH.

7.3. Mengadakan sesi Coaching and Mentoring

Guru-guru yang terlibat juga akan bersemuka dengan pentadbir pada setiap minggu untuk sesi Coaching and Mentoring bagi memantapkan lagi kefahaman mereka terhadap perisn komputer yang dibangunkan untuk e-RPH tersebut.

7.4. Mengadakan Latihan Dalam Perkhidmatan

Guru-guru ini juga wajib hadir sesi Latihan Dalam Perkhidmatan yang diadakan secara berfokus sebanyak dua kali bagi meningkatkan lagi kemahiran mereka dan mengurangkan rasa fobia terhadap sistem komputer yang menjadi asas kepada pelaksanaan e-RPH tersebut.

7.5. Memberi Surat Penghargaan

Pihak sekolah telah memberi surat penghargaan kepada guru-guru yang telah berjaya menyediakan RPH melalui e-RPH. Surat penghargaan ini sabagai satu bentuk pengiktirafan kepada mereka yang telah memberi kerjasama dan menyokong program tersebut.

8. DAPATAN KAJIAN

8.1. Guru Menghantar e-RPH

Setelah program intervensi atau inovasi ini dilaksanakan didapati peratus guru yang menghantar RPH melalui e-RPH telah meningkat seperti yang ditunjukkan di jadual 3.

Bulan	Bil.Guru Hantar	Peratus	Bil.Guru Tidak Hantar	Peratus
Ogos	88	96.70	3	3.3
September	89	97.80	2	2.2

Jadual 3: Pengahantar e-RPH oleh guru setelah sesi intervensi.

Berdasarkan jadual itu juga hanya 3.3% hingga 2.2% atau 3 hingga 2 orang guru sahaja yang tidak menyediakan e-RPH kerana mereka kurang faham dan kurang mesra dengan teknologi ICT .Mereka ini juga tidak ada komputer persendirian dan tidak ada talian internet di rumah. Faktor inilah yang mengganggu kesediaan mereka untuk menerima pelaksanaan e-RPH di sekolah.

8.2. Guru menggunakan Sistem fail untuk menyediakan RPH

Berdasarkan jadual 3 diatas juga, hanya 3 atau 2 orang guru yang masih menghantar RPH mereka cara lama dengan menggunakan sistem fail untuk menyimpan RPH mereka. Tetapi mereka tetap menyediakan RPH kerana menjadi satu kesalahan jika mereka mengajar tanpa RPH. Kaedah ini masih lagi relevant dengan kehendak Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/199 dan mereka sudah sebatu dengan cara yang telah diterima pakai sudah sekian lama. Mereka juga berpendapat cara ini lebih mudah dan

dapat dibawa bersama ke dalam kelas semasa sesi PdPc serta boleh ditunjukkan pada bila-bila masa oleh pihak pencerap yang membuat pencerapan PdPc di sekolah.

8.3. Guru Kurang Mesra dengan Komputer

Merujuk kepada jadual 4 dan jadual 5 dan hasil analisis profil guru di sekolah didapati lebih 97% guru mempunyai pengetahuan tentang komputer. Kumpulan guru yang tidak menyediakan e-RPH ini berumur > 50 tahun dan mereka kurang minat dengan penggunaan ICT dalam pengurusan dan ditambah lagi dengan beban tugas guru yang semakin bertambah yang melibat online dalam pengurusan di sekolah telah menyebabkan mereka rasa fobia dengan e-RPH tersebut. Mereka juga kurang mahir dan kurang berkeyakinan dalam menggunakan ICT sebagai alat untuk menyediakan e-RPH.

Walaupun mereka kumpulan generasi X tetapi mereka berusaha untuk melengkap diri dengan kemahiran ICT. Ini kerana mereka sedar bahawa di era digital ini seandainya mereka menolak perkembangan itu, akan menyebabkan mereka akan tersisih dan akan tertinggal di belakang. Ini kerana ICT kini digunakan secara meluas dalam sistem pentadbiran, sistem sosial dan juga dalam sistem kewangan serta ekonomi pada hari ini.

Jantina Guru	Kohort Umur	Bil.Hantar	Peratus	Bil.Tidak Hantar	Peratus
Lelaki	< 29-45 Tahun	13	14.2	-	-
	> 45 50 Tahun	9	9.8	-	-
	> 50-60 Tahun	3	3.2	2	2.1
Perempuan	< 35-45 Tahun	42	46.1	-	-
	> 45-50 Tahun	17	18.6	-	-
	> 50-60 Tahun	4	4.3	1	1.0
Jumlah		88	96.8	3	3.2

Jadual 4: Peratus Menghantar dan Tidak Menghantar e-RPH mengikut kohort Umur pada bulan Ogos 2017

Jantina Guru	Kohort Umur	Bil.Hantar	Peratus	Bil.Tidak Hantar	Peratus
Lelaki	< 29-45 Tahun	13	14.2	-	-
	> 45 50 Tahun	9	9.8	-	-
	> 50-60 Tahun	4	4.3	1	1.0
Perempuan	< 35-45 Tahun	42	46.1	-	-
	> 45-50 Tahun	17	18.6	-	-
	> 50-60 Tahun	4	4.3	1	1.0
Jumlah		89	97.9	2	2.1

Jadual 5: Peratus Menghantar dan Tidak Menghantar e-RPH mengikut kohort Umur pada bulan September 2017

9. RUMUSAN KAJIAN

Sebagai rumusan pengaji mendapati hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebilangan besar guru iaitu sebanyak 97% boleh menerima kaedah penyediaan RPH melalui e-RPH. Ini kerana ia memudahkan kerja guru, dapat menjimatkan masa, guru tidak perlu bergerak ke pejabat untuk menghantar RPH dan dapat menjimatkan kos operasi mereka. Oleh itu pihak pentadbir sekolah perlu kreatif dan inovatif serta mengamalkan KBAT dalam pengurusan bagi menangani isu tersebut. Mungkin beberapa perkara yang perlu difikirkan oleh pihak pentadbir sekolah dalam melaksanakan kaedah ini seperti perisn itu lebih mesra pengguna dan pihak Jabatan perlu standardkan perisn itu serta kemudahan internet perlu stabil dan komputer perlu disediakan di peringkat sekolah bagi memberi ruang kepada guru-guru yang memerlukan kemudahan tersebut.

Diharap akan melalui pendekatan ini 100% guru dapat menerima dan menyediakan RPH mereka melalui e-RPH. Ini kerana ia lebih mudah, cepat dan dapat menjimatkan kos pengurusan sekolah. Justeru, pengetua perlu bijaksana dan kreatif dalam mengambil tindakan untuk menyelesaikan sebarang isu yang timbul dalam bidang pengurusan di sekolah. Ini kerana pengetua mempunyai kuasa dari segi kuasa pakar, menghukum, membimbing dan memberi pengiktirafan kepada kakitangan di bawah seliaannya di sekolah.

10. CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN

Oleh kerana kajian ini tindakan bagi menyelesaikan isu dalam pelaksanaan e-RPH maka pengkaji mencadangkan agar kajian yang lebih meluas dan mendalam lagi tentang penyediaan RPH itu melalui e-RPH. Ia boleh melibatkan saiz sampel yang besar melibat semua sekolah di daerah dan tempoh kajian yang melibatkan jangka masa yang panjang sekurang-kurangnya untuk 2 tahun pelaksanaan e-RPH dan menggunakan kaedah kajian yang lebih baik lagi untuk mendapat hasil kajian yang lebih tepat dan dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan pelaksanaan e-RPH tersebut.

11. PENUTUP

Sebagai mengakhiri kajian dan penulisan kajian tindakan ini, kami berharap semua guru di sekolah kajian akan dapat menerima perubahan dalam penyediaan RPH daripada cara konvensional kepada cara online ini (e-RPH) kerana ia selari dengan perkembangan digital dan dasar berbelanjaan berhemah yang diamalkan oleh pihak kerajaan pada masa ini. Oleh itu beberapa inovasi yang sesuai perlu dilaksanakan bagi menepati tuntutan tersebut tersebut dan selagi ia tidak bercanggah dengan arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999.

Bibliografi

BIODATA PEMBENTANG

Nama	Haji Abdul Aziz Mohamed Zain
Jawatan	Pengetua Cemerlang
Alamat Tempat Bertugas	SMK Majakir, Peti Surat 110, 89608 Papar
Pengalaman Bertugas	1988-1989 Guru Penolong SMK Pitas 1989- 1996 Penolong Kanan Pentadbiran SMK Pitas 1996-1998 Pengetua SMK.Pinggan-Pinggan,Pitas 1998-2000 Penolong Kanan HEM SMK Pulau Gaya,Kota Kinabalu 2000-2008 Pengetua SMK Pulau Gaya 2008-2009 Pengetua Cemerlang SMK Tenom 2009-Kini Pengetua Cemerlang SMK Majakir,Papar
Pengalaman Profesional	2005 Perkongsian Amalan Pengurusan Pendidikan Alam sekitar di Kota Kinabalu 2009 Perkongsian Amalan Pengerusan Sekolah di Tenom 2010 Pengetua Mentor Kepada Pengetua Baharu 2011 Perkongsian Amalan Pengurusan Alam Sekitar di Papar 2015 Pentaksir Calon Pengetua dan Guru Besar 2016 Perkongsian PAK21 di Papar 2017 Pentaksir Calon NPQEL